

Newspaper  
Date

Berita Harian  
7 February 2016



Najib beramah mesra dengan kakitangan Perbadanan Labuan selepas merasmikan Pusat Transformasi Bandar (UTC) Labuan, semalam. [FOTO MALAI ROSMAH TUAH/BH]

## Ekonomi negara tetap mampu berkembang

» Pertumbuhan diramal sehingga 4.5 peratus walaupun harga minyak jatuh

Oleh Mohd Izhah Unnip  
Abdullah dan Azri Onn Othman  
bhnews@bh.com.my

» Labuan

**D**atuk Seri Najib Razak memberi jaminan kerajaan boleh menanganinya, se-

terusnya meletakkan semula ekonomi negara pada asas yang lebih kukuh di sebalik kejatuhan harga minyak ketika ini.

Perdana Menteri berkata, ekonomi Malaysia tahun lalu mencatatkan pertumbuhan 5.1 peratus dan diramal berkembang 4.4 hingga 4.5 peratus tahun ini, jauh lebih baik berbanding ekonomi beberapa negara lain seperti Venezuela yang menguncup 10 peratus tahun lalu dan diramal menguncup enam peratus, tahun ini.

"Alhamdulillah... walaupun Malaysia menerima kesan negatif akibat kejatuhan harga minyak, ekonomi kita masih mampu berkembang," katanya yang juga

Menteri Kewangan ketika berucap merasmikan Pusat Transformasi Bandar (UTC) Labuan, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor dan Ahli Parlimen Labuan, Datuk Rozman Isli.

UTC Labuan yang dibuka dengan kos RM23 juta dan mula beroperasi bulan lalu, menempatkan 14 agensi kerajaan dan swasta, selain dilengkapi sebuah gimnasium dan TASKA. Perkhidmatannya turut memanfaatkan penduduk berhampiran seperti Menumbok, Kuala Penyu dan Sipitang, selain Lawas dan Limbang di Sarawak.

## Ucapan takziah mangsa gempa

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengucapkan takziah kepada ahli keluarga mangsa gempa bumi yang menggegarkan bandar Tainan di selatan Taiwan, awal pagi semalam.

### Tiada rakyat kita terbabit

"Takziah kepada keluarga dan kenalan mangsa yang terjejas. Setakat ini tiada rakyat Malaysia yang terbabit, namun Kementerian Luar Negeri akan teruskan pemantauan dan

memberikan maklumat sewajarnya," katanya menerusi Facebooknya, semalam.

Beliau menasihatkan rakyat Malaysia di Taiwan agar sentiasa berkomunikasi dengan Pusat Persahabatan dan Perdagangan Malaysia di sana menerusi talian +886227132626, selain mematuhi arahan serta nasihat keselamatan pihak berkuasa.

○ Taiwan digegar gempa 6.4 magnitud - MUKA D1

### Yakin mampu bertahan

Najib berkata, walaupun ada kawasan seperti Labuan menerima kesan lebih ketara akibat kejatuhan harga minyak berikutan kedudukan ekonominya yang banyak bergantung kepada industri minyak dan gas, beliau yakin negara mampu bertahan menghadapi kitaran ekonomi yang kurang baik ketika ini.

"Ja satu kitaran ekonomi dan kita yakin ekonomi dunia boleh pulih. Kita mesti bertahan dan faham dengan situasi ini sebab kita pernah melalui keadaan lebih buruk," katanya yang yakin ekonomi Labuan akan pulih apabila pasaran bahan bakar itu kembali meningkat.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, langkah kerajaan mengawal penjualan rokok, minuman keras dan kenderaan di pulau bebas cukai, termasuk Labuan tidak menjejaskan taraf bebas cukai dinikmati penduduknya.

Katanya, kawalan itu yang diumumkan dalam pengubahsuaian Bajet 2016 bertujuan memastikan aktiviti penyeludupan dihentikan, sekali gus memberi lebih banyak pendapatan kepada negara yang akhirnya boleh digunakan untuk melaksanakan lebih banyak program kepada rakyat.

"Saya harap rakyat memahami

langkah ini supaya kita dapat menutup ketirisan yang menyebabkan kita kehilangan kira-kira RM1 bilion dari segi hasil cukai," katanya.

### Syor aktiviti ekonomi baharu

Sementara itu, ketika berucap pada Majlis Sambutan Hari Wilayah malam tadi, Perdana Menteri mencadangkan sektor pelancongan dan industri perkhidmatan, selain sektor pendidikan dibangunkan sebagai aktiviti ekonomi baharu di Labuan supaya pulau ini dapat terus bertahan berdepan cabaran ekonomi.

"Bagi pembangunan pelancongan, ia perlu dirancang secara teratur dengan kerjasama swasta untuk menambah produk pelancongan sedia ada. Di Labuan, banyak pulau indah seperti Pulau Papan, Pulau Rusukan Kecil dan Pulau Rusukan Besar yang boleh dijadikan tarikan pelancong.

"Saya juga berharap kita dapat yakinkan institusi pengajian tinggi, termasuk swasta buka cawangan di sini agar boleh bantu ekonomi tempatan. Kita juga harap dapat melihat industri lain dikembangkan seperti logistik dan perkhidmatan," katanya yang turut mengumumkan beberapa projek untuk penduduk pulau ini.